



Ungku Abdul Aziz bilang lebih baik menghabiskan masa bermain terup atau di kelab *dancing* daripada menghabiskan masa untuk karangan-karangan yang tinggi kalau tidak mendapat bayaran yang mahal dan tinggi. Jika begini pendapat semua kaum terpelajar kita, berkhidmat hanya bergantung kepada kebendaan semata-mata sudah tentulah tidak akan diharap Bahasa Melayu akan bangkit – Juga jika mereka semata-mata mahu bergaji besar sudah barang tentu pula rakyat terbiar. Hal ini jauh bezanya dengan di Indonesia - Mereka pada masa penjajahan dahulu tahan makan berkering daripada duduk dikerusi lembut sedang rakyat dijajah dan menderita.

Al-Bār, untuk menarik orang-orang supaya yakin bahawa Perikatan UMNO dan M.C.A itu bagus, di antara lain-lain dikatakan berkat bahawa Tuhan menyuruh terbaik-baik dengan sekalian manusia. Benar Tuhan menyuruh terbaik-baik dengan sekalian mereka tetapi Tuhan tidak menyuruh hak-hak kita dikorbankan untuk mereka – Kita berkenal-kenalan tetapi jangan di dalam berkenal-kenalan itu rumah tangga kita diserahkan apalagi ada pula ayat-ayat lain yang memperingatkan bagaimana sebenarnya perasaan mereka terhadap kita! Harap janganlah terlanjur sekali di dalam langkah-langkah yang demikian – Ya al-Bār, sebab saudara nanti akan ditanya.

Pilihan raya Federal sedang berjalan sekarang! 27 Julai ialah hari memilih. Di antara calon-calon perikatan ada 15 orang Cina yang disyorkan oleh UMNO supaya dilantik oleh orang-orang Melayu menjadi wakilnya kelak di Federal Council.

Jadinya orang Melayu mencadangkan supaya memilih orang-orang Cina – demikian ringkasnya! lebih terang lagi di daerah-daerah itu kelak mereka menggantungkan nasib kepada orang-orang yang bukan Islam. Apa kata Tuhan dalam hal ini ? Pembaca-pembaca ingat tentu telah membaca firman-firman Tuhan itu yang memperingatkan supaya jangan memilih orang-orang kafir jadi ketua atau pun mempercayainya. Dengan itu apa kata pembaca pula? Kita hanya memberi ingat pilihlah bangsa sendiri – jangan pandang apa partinya – habis perkara! Ini tidak melanggar hukum Tuhan !

HAMKA yang sedang melawat Malaya telah ditanya orang tentang bolehkah mengutip derma dengan jalan sandiwara. Ia dikatakan menjawab “bahawa agama Islam tidak melarang apa carapun dijalankan untuk mengutip derma bagi satu-satu kebajikan. Agama Islam tidak melarang pengikutnya (mengadakan sandiwara) asalkan kerja itu tidak melalaikan orang yang menonton daripada mengingati Tuhan”. Mashā Allāh Tuan HAMKA! Tidakkah dalam sandiwara itu seperti lazim banyak perkara-perkara yang timbul yang ditegah oleh agama?! Apakah boleh dicampurkan kebajikan dengan maksiat? Apakah agama Islam meluluskan mencuri, berzina dan seumpamanya jika diniatkan untuk kebajikan kerana Tuan HAMKA katakan agama Islam tidak melarang mengutipnya dengan apa cara pun? Sekali lagi Mashā Allāh Tuan HAMKA! Beringat-ingat Bung! Jangan mudah memberi kenyataan dengan fikiran dan cara berlebih-lebih kerana yang demikian boleh mengelirukan orang terutamanya pula orang-orang telah terpengaruh atas masyhurnya nama Bung HAMKA -.

Tanda (simbol) UMNO dan perikatannya ialah sebuah perahu (kapal-tongkang) layar. Coraknya banyak kepada rupa perahu Cina dan fesyennya sudah nampak kalau kena angin belayar pun harus tak laju.

Ini tidak berapa tetapi yang lebih tepat biasanya kalau berharap kepada layar sudah tentulah hanya mengikut angin – ke mana angin bertiup ke situ sahaja dapat dilayarkan lebih hebat lagi kalau kena puting beliung terus berpusing. Ini terang-terang tidak dapat berhaluan sendiri – hanya berharap kepada kekuatan angin yang bertiup. Apa angin itu masing-masing boleh fikir – Cemeti al-Farouk.